

**PERATURAN-PERATURAN  
PEGAWAI AWAM  
(KELAKUAN DAN TATATERTIB)  
1993**

**P.U.(A)395**

# SKOP CERAMAH

1. **Pendahuluan**
2. **Rasional Peraturan Tata tertib**
3. **Tatakelakuan/Larangan**
  - ★ **Secara Umum(Per. 4(1),(2)(a...j)**
  - ★ **Secara Khusus (Per. 4A, 5 - 23)**
    - **Larangan Mutlak**
    - **Boleh Dengan kebenaran**
  - ★ **Peraturan Oleh Pek./Surat Pek.**
  - ★ **Lain-lain Peraturan/Akta**
4. **Penutup**

# PENDAHULUAN

## Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993

- Dibuat di bawah Perkara 132(2) Perlembagaan Persekutuan
- Menggantikan P. A Bab 'D'

 **Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib  
Perkhidmatan Awam 1993 - P.U.(A)396**

**Dalam menjalankan tugas pegawai dibekalkan dengan kuasa. Ia perlu dikawal bagi mengelakkan penyelewengan dan menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan peribadi.**

**Setiap masa pegawai awam hendaklah menjaga tingkahlaku & perbuatan supaya nama baik perkhidmatan awam tidak terjejas**

**⇒ Memelihara tingkahlaku bagi mengelakkan syak wasangka orang awam terhadap kejujuran dan kesungguhan dalam menjalankan tugas.**

# RASIONAL PERATURAN TATATERTIB

Memastikan pegawai awam:

- i. melaksanakan tugas dengan cekap, beramanah dan bertanggungjawab;
- ii. meletakkan kepentingan awam lebih utama daripada kepentingan mereka sendiri;
- iii. menjaga imej perkhidmatan awam; dan
- iv. yang melakukan kesalahan / melanggar peraturan dihukum.

**TATAKELAKUAN**

**SECARA UMUM**

**Peraturan 4, Peraturan- Peraturan  
Pegawai Awam (Kelakuan dan  
Tatatertib) 1993.[Per. 4(1),(2)(a....j)]**

**“4. (1) Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa memberikan taat setianya kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan”**

**→ Pegawai hendaklah sentiasa menjaga, memelihara dan mempertahankan kedaulatan dan maruah negara, hormat dan patuh kepada undang-undang serta berusaha untuk berbakti kepada negara.**

## CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 4(1)

- ★ Bersubahat dengan musuh negara.
- ★ Membocorkan rahsia Kerajaan.
- ★ Memburuk-burukkan serta memperkecil kecilkan dasar serta tindakan Kerajaan.
- ★ Menjadi Anggota Jemaah Islamiah
- ★ Menyertai Kesatuan Militan Malaysia

**“4.(2) Seseorang pegawai tidak boleh –  
(a) membelakangkan tugas awamnya  
demi kepentingan peribadinya;**

**CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 4(2)(a)**

- ★ Pegawai Polis melepaskan pesalah lalulintas dan sebagai balasan meminta bayaran
- ★ Pegawai JPJ meminta bayaran dan meluluskan lesen memandu tanpa menduduki ujian.
- ★ Pegawai Imigresen melepaskan pendatang tanpa izin yang tidak mempunyai pas perjalanan yang sah dan sebagai balasan meminta bayaran.

**“4.(2)Seseorang pegawai tidak boleh -**

**(b) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya;”**

**CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 4(2)(b)**


- ★ **Menguruskan tender/sebutharga sedangkan pegawai mengetahui ada di antara mereka yang mengemukakan tender/ sebutharga terdiri daripada saudara-maranya.**

**“4.(2) Seseorang pegawai tidak boleh -**

- (c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa -**
  - (i) dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya sehingga menjejaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai awam; atau**
  - (ii) dia telah menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri;”**

## CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 4(2)(c)

- ★ Menggunakan dan memandu kenderaan jabatan untuk kegunaan sendiri seperti pergi ke pejabat dan balik dari pejabat, menghantar anak ke sekolah dan lain-lain.



- ★ Menggunakan kakitangan jabatan /alat/ barang-barang jabatan untuk hal-hal persendirian seperti membersihkan tanah, kawasan rumah, mengangkat perabot rumah dan lain-lain.

**“4.(2) Seseorang pegawai tidak boleh -  
(d) Berkelakuan dengan cara yang  
boleh memburukkan /mencemar  
nama baik perkhidmatan awam”**

**CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 4(2)(d)**

- ★ **Terlibat dalam penyalahgunaan dadah.**
- ★ **Berjudi di pejabat/waktu bertugas.**
- ★ **Disabitkan kesalahan jenayah/ mahkamah syariah.**
- ★ **Kesusahan berat kerana hutang.**
- ★ **Menerima keraian dari orang yang ada hubungan rasmi.**
- ★ **Melakukan gangguan seksual**

**“4.(2) Seseorang pegawai tidak boleh -  
(e) kurang cekap atau kurang  
berusaha;**

**CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 4(2)(e)**

- ★ **Gagal menguruskan penyata bank dan buku tunai dengan teratur dan bersistematik.**
- ★ **Tiada inisiatif untuk menyelesaikan urusan kerja seberapa segera.**

**“4.(2) Seseorang pegawai tidak boleh -  
(f) tidak jujur atau tidak amanah;**

**CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 4(2)(f)**

- ★ **Menggunakan wang tabung amanah untuk kegunaan sendiri.**
- ★ **Membuat bayaran tanpa menyemak kerja-kerja yang diarahkan telah siap atau belum.**
- ★ **Tidak melaporkan harta atau pelaburan.**

**“4.(2) Seseorang pegawai tidak boleh -  
(g) tidak bertanggungjawab;**


**CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 4(2)(g)**

- ★ **Menghasut kakitangan Kerajaan supaya jangan terlalu berusaha dalam menjalankan tugas.**
- ★ **Menjalankan sesuatu tugas tanpa menghiraukan implikasi terhadap Jabatan Khasnya dan Kerajaan amnya**
- ★ **Mengambil cuti rehat di saat perkhidmatannya sangat- sangat diperlukan.**

**“4.(2) Seseorang pegawai tidak boleh -  
(g) tidak bertanggungjawab;**

**CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 4(2)(g)**

★ **Keluar bermain golf atau bowling  
ketika waktu pejabat.**



**“4.(2) Seseorang pegawai tidak boleh -**

**(h) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap perkhidmatan awam, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain”;**

### **CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 4(2)(h)**

- ★ **Meminta orang kenamaan untuk menggunakan jasa baiknya mempengaruhi Lembaga Kenaikan Pangkat untuk menaikkan pangkatnya.**
- ★ **Meminta ahli politik untuk menyokong permohonannya mendapatkan tanah Kerajaan atau rumah atau sesuatu jawatan.**

**“4.(2) Seseorang pegawai tidak boleh -  
(i) ingkar perintah; dan**

**CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 4(2)(i)**

- ★ **Membantah atau melawan pegawai atasan.**
- ★ **Membawa keluar fail terperingkat Jabatan tanpa kebenaran bertulis Ketua Jabatan**  
→ (Perenggan 67, Arahan Keselamatan).
- ★ **Keluar negara tanpa kelulusan KSU, Kementerian.**

**“4.(2) Seseorang pegawai tidak boleh -  
(j) cuai dalam melaksanakan  
tugasnya.”**

**CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 4(2)(j)**

- ★ **Cuai memastikan barang- barang yang dibeli oleh Jabatan di masukkan dalam senarai 'inventory'.**
- ★ **Menghilangkan harta Kerajaan dalam simpanan pegawai**
- ★ **Pegawai Perubatan/Doktor tersilap memberi ubat kepada pesakit/ semasa pembedahan**
  - ➔ **Tertinggal alat-alat pembedahan dalam anggota yang dibedah.**

**TATAKELAKUAN**

**SECARA KHUSUS**

- ★ **DITEGAH SAMA SEKALI (MUTLAK)**
- ★ **BOLEH BUAT DENGAN KEBENARAN**

# 1. DITEGAH SAMA SEKALI (MUTLAK)

| PER. | JENIS LARANGAN  |
|------|---|
| 4A   | GANGGUAN SEKSUAL  |
| 7    | MENYALAHGUNA DADAH  |
| 9    | MENERIMA/ MEMBERI KERAJIAN  |
| 11   | MENYENGGARA TARAF HIDUP MELEBIHI DARIPADA EMOLUMEN RASMI DAN PENDAPATAN PERSENDIRIAN YANG SAH |
| 12   | MEMINJAM WANG/MENJADI PENJAMIN  |
| 13   | KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS  |
| 15   | MEMINJAMKAN WANG DENGAN BUNGA   |
| 16   | PENGLIBATAN DALAM PASARAN HADAPAN   |
| 17   | REFEL DAN LOTERI  |
| 18   | PENERBITAN BUKU BERDASARKAN MAKLUMAT TERPERINGKAT   |
| 20   | PENYUNTING AKHBAR/MAJALAH/JERNAL  |
| 21   | KEGIATAN POLITIK<br>➤ PEGAWAI KPT/KPDP  |
| 23   | TIDAK HADIR BERTUGAS TANPA CUTI/KEBENARAN/SEBAB YANG MUNASABAH                                |

# PERATURAN 4A. - GANGGUAN SEKSUAL



## (1) DILARANG MELAKUKAN GANGGUAN SEKSUAL IAITU:

(a) Cubaan merapati/meminta layanan seksual


(b) melakukan perbuatan bersifat seksual

menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut.

## (2) BENTUK PERBUATAN BERSIFAT SEKSUAL:

(a) secara lisan, bertulis dan lain-lain

(b) tidak terhad di tempat kerja / waktu kerja selagi mencemarkan imej Perkhidmatan Awam




## **PERATURAN 4A. - GANGGUAN SEKSUAL**

**“(2) BENTUK PERBUATAN BERSIFAT SEKSUAL:**

- (a) secara lisan, bertulis dan lain-lain**
- (b) tidak terhad di tempat kerja / waktu kerja selagi mencemarkan imej Perkhidmatan Awam”**

### **CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 4A.**

-  **Bercerita / jenaka / isyarat yang lucu**
-  **Menyentuh anggota sensitif badan**

## CONTOH GANGGUAN SEKSUAL

**Mempamer atau mengedarkan alat-alat atau gambar-gambar lucah**

**Membuat cadangan bahawa layanan seks akan di balas dengan ganjaran**






## CONTOH GANGGUAN SEKSUAL



**meraba, mencubit, menepuk  
atau menyentuh secara  
seksual**


## **PERATURAN 7: MENYALAHGUNA DADAH**

-  **TIDAK BOLEH MENGGUNAKAN / MENGAMBIL / MENYALAHGUNAKAN / MENAGIH DADAH BERBAHAYA (KECUALI BAGI MAKSUD PERUBATAN)**
-  **PEGAWAI BOLEH DIAMBIL TINDAKAN TATATERTIB DENGAN TUJUAN BUANG KERJA**
-  **PERKHIDMATAN PEGAWAI BOLEH DITAMATKAN ATAS KEPENTINGAN AWAM [PERATURAN 49] SEKIRANYA PEGAWAI MENCAPAI UMUR PERSARAAN PILIHAN.**

## CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 7.

★ **Menghisap ganja, morfin, heroin dan lain-lain**

★ **Menagih dadah**



## **PERATURAN 9 - MENERIMA/ MEMBERI KERAIAN**

**TIDAK BOLEH MENERIMA / MEMBERI  
KERAIAN SEKIRANYA:**



**KERAIAN ITU DAPAT DENGAN APA-APA CARA  
MEMPENGARUHI TUGAS RASMI.**



**BERCANGGAH DENGAN TATAKELAKUAN  
PERATURAN 4.**

### **CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 9.**



**Kontraktor meraikan Ketua Jabatan  
yang menjadi ahli Lembaga Tender  
[Keraian = Belanja makan, hotel,  
tambang bercuti dan lain-lain]**

## **PERATURAN 11 - MENYENGGARA TARAF HIDUP MELEBIHI EMOLUMEN/ PENDAPATAN YANG SAH**

**PEGAWAI TIDAK BOLEH :**

- i) MENYENGGARA TARAF HIDUP MELEBIHI EMOLUMEN/  
PENDAPATAN YANG SAH.**
- ii) MENGUASAI/MEMILIKI SUMBER KEWANGAN ATAU  
HARTA YANG TAK SEIMBANG ATAU TAK MUNASABAH  
DENGAN EMOLUMEN/ PENDAPATAN YANG SAH.**

**CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 11.**



**Pegawai berkereta mewah yang diketahui  
bukan dari pusaka dan lain-lain**

## **PERATURAN 12 - MEMINJAM WANG/ MENJADI PENJAMIN**

**TIDAK BOLEH MEMINJAM WANG / MENJADI PENJAMIN  
KEPADA MANA-MANA ORANG YANG :**

- i) TERTAKLUK KEPADA KUASA RASMINYA**
- ii) ADA URUSAN RASMI**
- iii) TINGGAL / MEMILIKI TANAH / MENJALANKAN  
PERNIAGAAN DALAM KAWASAN KUASA RASMI**
- iv) MENJALANKAN PERNIAGAAN MEMBERI  
PINJAM WANG**

## **BOLEH PINJAM DARIPADA :**

- i) BANK - BERKAGAR/OVERDRAF**
- ii) SY. INSURAN - CAGARAN POLISI**
- iii) SY. KERJASAMA - (TERMASUK KERAJAAN)**
- iv) SY. MEMINJAM - AKTA SY. MEMINJAM 1969**
- v) PERJANJIAN SEWA BELI**

## **DENGAN SYARAT -**

- i) INSTITUSI ITU TIDAK SECARA LANGSUNG DI BAWAH KUASA RASMINYA.**
- ii) JANGAN BAWA SKANDAL AWAM /  
MENGUNAKAN KEDUDUKAN AWAM**
- iii) AGREGAT HUTANG TIDAK MENYEBABKAN KETERHUTANGAN KEWANGAN WANG YANG SERIUS**

## CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 12.

- ★ Pegawai di Jabatan meminjam wang dari kontraktor yang menjalankan projek Jabatan
- ★ Pegawai Daerah meminjam wang dari bank yang beroperasi di kawasan pentadbirannya

## **PERATURAN 13: KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS**

**TANGGUNGAN HUTANGNYA MENYEBABKAN KESULITAN KEWANGAN YANG SERIUS, IAITU**

- i) AGREGAT HUTANG/ TANGGUNGAN TAK BERKAGAR LEBIH 10 KALI EMOLUMEN BULANNANNYA KECUALI PINJAMAN PENDIDIKAN.**
- ii) PENGHUTANG PENGHAKIMAN (JUDGEMENT DEBTOR) DAN TIDAK DIJELASKAN DALAM TEMPOH 1 BULAN.**
- iii) BANKRAP ATAU PEMAKAN GAJI TAK SOLVEN (INSOLVENT).**

## **CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 13.**

- ★ **Penjamin yang gagal membayar hutang peminjam dalam tempoh satu bulan dari perintah mahkamah**
- ★ **Peminjam diisytihar bankrap oleh mahkamah dan gaji dipegang/urus oleh Amanah Raya. Gaji tidak mencukupi untuk melepaskan tanggungan.**

## **PERATURAN 15 - MEMINJAMKAN WANG**

- ◆ **TIDAK BOLEH MEMINJAMKAN WANG DENGAN FAEDAH**

### **CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 15.**

- ★ **Pegawai memberikan pinjaman dengan mengenakan faedah atau bunga**

# **PERATURAN 16 - TIDAK BOLEH TERLIBAT DALAM PASARAN HADAPAN**

- ◆ **TIDAK BOLEH TERLIBAT DALAM PASARAN NIAGA  
HADAPAN SEBAGAI PEMBELI ATAU PENJUAL,  
DALAM PASARAN TEMPATAN ATAU LUAR NEGERI**

**CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 16.**



**Terlibat dalam pasaran komoditi  
/ pasaran hadapan**

## **PERATURAN 17 - REFEL DAN LOTERI**

- TIDAK BOLEH MENGADAKAN REFEL ATAU LOTERI HARTA PERSENDIRIANNYA.**

### **CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 17.**

- ★ Menggunakan harta persendirian untuk refel atau loteri**

# PERATURAN 18 - PENERBITAN BUKU DAN KARYA

- TIDAK BOLEH MENERBITKAN ATAU MENULIS BUKU, MAKALAH ATAU KARYA LAIN BERDASARKAN MAKLUMAT RASMI TERPERINGKAT.

## CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 18.

- ★ **Menulis/menerbit buku menggunakan maklumat rasmi terperingkat (rahsia besar, rahsia dan sulit)**

# **PERATURAN 20 - PENYUNTING AKHBAR/ MAJALAH/JURNAL**

**TIDAK BOLEH MENJADI PENYUNTING AKHBAR/  
MAJALAH/JURNAL KECUALI, PENERBITAN;**

- i) JABATAN**
- ii) PROFESIONAL**
- iii) PERTUBUHAN SUKARELA YANG TIDAK  
BERCORAK POLITIK**
- iv) DILULUSKAN SECARA BERTULIS OLEH  
KETUA JABATAN**

## CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 20.

- ★ **Menjadi penyunting akhbar harian**
- ★ **Menjadi penyunting akhbar parti politik**

## **PERATURAN 21- KEGIATAN POLITIK**

**⊗ PEGAWAI KPT/KPDP DILARANG MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM POLITIK ATAU MEMAKAI LAMBANG PARTI POLITIK, KHUSUSNYA TIDAK BOLEH:**

- i) MEMBUAT PERNYATAAN MENYEBELAH MANA-MANA PARTI POLITIK**
- ii) MENERBIT/MENGEDAR BUKU/ ARTIKEL/RISALAH MENGENAI POLITIK**
- iii) MERAYU UNDI**
- iv) AGEN PILIHANRAYA TEMPAT MENGUNDI**
- v) BERTANDING APA-APA JAWATAN**
- vi) MEMEGANG APA-APA JAWATAN**

## CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 21.

- ★ **Berkempen bagi pihak parti politik**
- ★ **Mengedar risalah parti politik**
- ★ **Memegang jawatan dalam parti politik**

## **PERATURAN 23 - TIDAK HADIR BERTUGAS**



**TIDAK HADIR BERTUGAS TANPA CUTI ATAU TANPA KEBENARAN ATAU TANPA SEBAB YANG MUNASABAH BOLEH DIAMBIL TINDAKAN TATATERTIB.**



**" KETIDAKHADIRAN " -**

**TERMASUKLAH TIDAK HADIR BAGI APA-APA JUA TEMPOH MASA PADA MASA DAN DI TEMPAT PEGAWAI ITU DIKEHENDAKI BERTUGAS.**

## CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 23.

- ★ **Pegawai 'hilang' selepas ketip kad perakam waktu di waktu pagi, kemudian muncul di waktu petang untuk ketip sewaktu pulang**
- ★ **Tidak patuhi waktu berperingkat**

## **2. LARANGAN YANG BOLEH DIBUAT DENGAN KEBENARAN**

| <b>PER.</b> | <b>PENGECEUALIAN</b>   | <b>KUASA MEMBERI KEBENARAN</b> |
|-------------|--|--------------------------------|
| 5           | PEKERJAAN LUAR   | KETUA JABATAN                  |
| 6           | ETIKET BERPAKAIAN  | KPPA                           |
| 8/9         | MENERIMA HADIAH/KERAIAN  | KETUA JABATAN                  |
| 10          | 'PEMUNYAAN HARTA'  | LEMBAGA TATATERTIB             |
| 19          | PERNYATAAN AWAM  | MENTERI                        |
| 21          | KEGIATAN POLITIK<br>i) KUMPULAN SOKONGAN<br>ii) CUTI SEBELUM BERSARA | KPPA / KSU                     |
| 22          | MEMBAWA PERBICARAAN<br>UNDANG- UNDANG/<br>BANTUAN GUAMAN             | KSU                            |

## **PERATURAN 5 - PEKERJAAN LUAR**

 **TIDAK BOLEH BUAT KERJA LUAR, KECUALI**

**i) DIBENARKAN OLEH KETUA JABATAN**

**DIANGGAP TUGAS RASMI**



**HONORARIUM DITENTUKAN OLEH**



**PERBENDAHARAAN (PP BIL 2/1993 DAN  
BIL.5/1995)**

**ii) BAGI FAEDAH DIRINYA/SAUDARA- MARA/  
BADAN YANG BUKAN MENCARI KEUNTUNGAN  
DENGAN KEBENARAN KETUA JABATAN**



## **SYARAT**

- **TERTAKLUK KEPADA TATAKELAKUAN PERATURAN 4 DAN MEMASTIKAN PEKERJAAN LUAR ITU DILAKUKAN :**
  - a) **DI LUAR WAKTU PEJABAT/ TUGAS RASMI**
  - b) **TIDAK MENJEJASKAN KEBERGUNAANNYA SEBAGAI PEGAWAI AWAM**
  - c) **TIDAK BERCONGGAH DENGAN KEPENTINGAN PERKHIDMATAN AWAM**

## **CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 5.**

- ★ **Memandu teksi selepas waktu pejabat tanpa kebenaran**
- ★ **Menjalankan perniagaan pasar malam, jadi jaga dan pekerjaan lain tanpa kebenaran**

## PERATURAN 6 - PAKAIAN



**SEMASA BERTUGAS  
HENDAKLAH SENTIASA  
BERPAKAIAN DENGAN  
SEPATUTNYA YANG  
DITENTUKAN OLEH  
KERAJAAN MELALUI  
ARAHAN YANG  
DIKELUARKAN OLEH  
KETUA PENGARAH  
PERKHIDMATAN AWAM**




## CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 6.

- ★ **Memakai singlet atau baju-T, tanpa kolar**
- ★ **Memakai sarong, seluar pendek dan lain-lain**

## **PERATURAN 8 - HADIAH**

**PEGAWAI DILARANG MEMBERI/  
MENERIMA HADIAH, JIKA -**

- i) ADA KENA- MENGENA  
DENGAN PELAKSANAAN  
TUGAS.**
- ii) BENTUK, AMAUN ATAU NILAI  
HADIAH ITU TIDAK  
SEPADAN DENGAN  
MAKSUD HADIAH**



## **KEBENARAN KETUA JABATAN PERLU DIPEROLEHI, JIKA -**

- i) PEGAWAI MERAGUI TENTANG BENTUK,  
AMAUN ATAU NILAI HADIAH.**
- ii) PENERIMAAN HADIAH SUKAR DITOLAK**

**(KETUA JABATAN = KSU ATAU KP DI IBU  
PEJABAT).**

**❁ KETUA JABATAN BOLEH MEMBERI  
KEBENARAN -**

- (i) PEGAWAINYA MENERIMA SURAT PUJIAN  
SEMPENA PERSARAAN/ PERTUKARAN  
(BEKAS JANGAN MAHAL)**
- (ii) PUNGUTAN SPONTAN OLEH PEGAWAI BAGI  
MAKSUD HADIAH SEMPENA PERSARAAN /  
PERTUKARAN, PERKAHWINAN, PERISTIWA  
LAIN PEGAWAINYA.**

## CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 8.


- ★ **Memberi hadiah kepada pegawai**
- ★ **Menerima hadiah dari orang yang ada kepentingan**

# PERATURAN 10 - PEMUNYAAN HARTA

**MINTA KEBENARAN KETUA JABATAN  
JIKA HENDAK MEMPEROLEHI  
HARTA YANG TIDAK SEJAJAR  
DENGAN TATAKELAKUAN**

**LAPORAN HARTA :-**

- i) PADA TARIKH DILANTIK**
- ii) PADA MASA DIKEHENDAKI OLEH KERAJAAN**
- ⊗ MEMPEROLEHI HARTA BARU**
- ⊗ PELUPUSAN**



## CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 10.

- ★ **TIDAK MELAPORKAN PEMBELIAN RUMAH, KERETA DLL**
- ★ **TIDAK MELAPORKAN PELUPUSAN RUMAH, KERETA DLL**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 2002**

**PEMILIKAN DAN PERISYTIHARAN  
HARTA OLEH PEGAWAI AWAM**

**30 JULAI 2002**

## **SURAT KELILING JPA**

**JPA(S)TT.7076 JLD. 9/(101) bertarikh  
28 NOVEMBER 2003**

**KEWAJIPAN MENGISYTIHARKAN HARTA OLEH  
PEGAWAI AWAM DI BAWAH PERATURAN 10,  
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM  
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993**

# PERATURAN 19 - PERNYATAAN AWAM

❁ TIDAK BOLEH KECUALI MENDAPAT KEBENARAN MENTERI YANG BERKENAAN



## **CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 19.**

- ★ **Ceramah yang memburukkan Pentadbiran Kerajaan**
- ★ **Membuat ulasan / penjelasan mengenai sesuatu peristiwa tanpa kebenaran Menteri**

## **PERATURAN 21 - KEGIATAN POLITIK PEGAWAI KUMPULAN SOKONGAN**

**KUMPULAN SOKONGAN BOLEH DILANTIK  
SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA PARTI POLITIK  
SETELAH MENDAPAT KEBENARAN SECARA  
BERTULIS DARIPADA**

- GUNASAMA - KPPA**
- BUKAN GUNASAMA - KSU**

### **⊗ CUTI SEBELUM BERSARA**

- SEMUA KUMPULAN**
- DENGAN KEBENARAN**

## CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 21.

- ★ **Kumpulan Pengurusan dan Profesional boleh bergiat aktif dalam aktiviti politik semasa menghabiskan cuti terkumpul sebelum bersara wajib jika mendapat kelulusan KPPA atau KSU**

# **PERATURAN 22 - MEMBAWA PERBICARAAN UNDANG-UNDANG BANTUAN GUAMAN**

-  **MESTI MENDAPAT  
KEBENARAN KETUA**
-  **JABATAN**

## CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 22.

- ★ **Tanpa kebenaran melantik peguam untuk perbicaraan mahkamah yang kes berkaitan dengan tugas rasmi**

# PERATURAN DALAM PEKELILING/ SURAT PEKELILING

- |  |  |
|--|--|
| 1. PAKAIAN   | PP Bil.2 / 1985  |
| 2. HARTA   | PP Bil.3 / 2002  |
| 3. SYARIKAT PEGANGAN KELUARGA                                | PP Bil.2 / 1987  |
| 4. PENGGUNAAN MESIN FAKSIMILI                                | SPA Bil. 1/1993  |
| 5. PENGLIBATAN DALAM PERSIDANGAN/ SEMINAR/ SWASTA            | SPA Bil 2 / 1993<br>FORUM/BENGGEL ANJURAN                  |
| 6. PENGLIBATAN AKTIVITI SUKAN ANJURAN AGENSI AWAM / SWASTA   | SPA Bil.3 / 1993   |
| 7. PERHUBUNGAN DENGAN RAJA-RAJA                              | SPA Bil.4 / 1993   |
| 8. PENERIMAAN HADIAH ORGANISASI                              | SURAT PEKELILING KEPADA PERBENDAHARAAN Blii. 13 TAHUN 1986 |
| 9. PERATURAN MENGUTIP DERMA OLEH PERTUBUHAN DARI ORANG RAMAI | SURAT PEKELILING AM Bil. 6 TAHUN 1987                      |
| 10. SUMBANGAN KEPADA AKTIVITI- AKTIVITI SUKAN                | SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN Bil. 6 / 1969                |

**11. KEBENARAN TAK HADIR  
BERTUGAS ATAS SEBAB  
KECEMASAN AM**

**PEKELILING PERKHIDMATAN  
BIL.1 TAHUN 1986**

**12. PENGLIBATAN PEGAWAI  
DALAM KOPERASI**

**PEKELILING PERKHIDMATAN  
BIL.9 TAHUN 1995**

**13. KEBENARAN KELUAR NEGERI**

**SURAT PEKELILING AM  
BIL. 1 TAHUN 1994**

**14. PENGLIBATAN DALAM  
AL-ARQAM**

**SURAT PEKELILING  
AM BIL. 4 TAHUN 1994**

**15. MENJADI LEMBAGA  
PENGARAH DALAM SYARIKAT**

**PEKELILING PERKHIDMATAN  
BIL.3 TAHUN 1985**

**16. LARANGAN UCAP TAHNIAH**

**PEKELILING PERKHIDMATAN  
BIL. 3 TAHUN 1989**

**17. PENAMATAN TEMPOH  
PINJAMAN JIKA ADA KES TATATERTIB**

**PEKELILING PERKHIDMATAN  
BIL. 8 TAHUN 1990**

# LAIN-LAIN PERATURAN/ AKTA

## CONTOH

1. SESYEN 18 - AKTA ACARA KEWANGAN 1957
2. ARAHAN PERBENDAHARAAN
3. AKTA RAHSIA RASMI
4. DLL

## **AKTA PROSEDUR KEWANGAN 1957**

18 (a) “ Kerana kegagalannya memungut wang yang mesti dibayar kepada Kerajaan Persekutuan, yang mana pungutannya wang adalah tanggungjawab pegawai itu sendiri”

## AKTA PROSEDUR KEWANGAN 1957

18 (b) “ Kerana bertanggungjawab tentang pembayaran wang kerajaan dengan tidak sepatutnya atau pembayaran wang itu dibuat dengan tidak disokong oleh resit yang betul”  
(Pembayaran lebih atau pembayaran tanpa kuasa)

## AKTA PROSEDUR KEWANGAN 1957

18 (c) “ Kerana tanggungjawab tentang kekurangan atau kerosakan wang kerajaan, setem, cagaran barang-barang atau harta kerajaan”

## AKTA PROSEDUR KEWANGAN 1957

18 (d) “ Sebagai Pegawai Akaun, gagal atau telah gagal menyimpan akaun atau rekod yang sempurna”

## **AKTA PROSEDUR KEWANGAN 1957**

18 (e) “Telah gagal membuat bayaran, atau bertanggungjawab di atas sebarang kelambatan pembayaran, wang awam Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri kepada seseorang di mana pembayaran tersebut wajardi bawah undang-undang, atau di bawah kontrak, perjanjian atau peraturan yang dibuat di antara seseorang itu dengan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri”

# PENUTUP

## PEMATUHAN DAN PENGHAYATAN TATAKELAKUAN INI AKAN:

- (i) Mewujudkan perkhidmatan awam yang "Bersih, Cekap dan Amanah".
- (ii) Menghalang penyelewengan.
- (iii) Menghalang perbuatan rasuah.

Tatakelakuan pegawai awam tidak semata-mata bersifat menghukum tetapi lebih kepada :

- ☀ Preventif
- ☀ Pengajaran
- ☀ Amaran/peringatan

**SISTEM PENGAWALAN DISPLIN DALAM BENTUK PEMBETULAN DAN PENGHUKUMAN BERSERTA DENGAN LANGKAH-LANGKAH PENINGKATAN DISIPLIN MEMERLUKAN KOMITMEN DAN KESUNGGUHAN SEMUA PIHAK YANG BERKENAAN BAGI MELAKSANAKANNYA SUPAYA TAHAP KEBERKESANAN YANG MAKSIMUM DAPAT DICAPAI**

SEKIAN

TERIMA KASIH

